

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
[NIBONG TEBAL]**

**Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ] minta MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGUNAAN menyatakan statistik mengenai tindakan yang  
diambil terhadap para peniaga di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti  
Pencatutan 2011 di sepanjang tahun 2010 hingga 2015**

## **JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Sejak OPS CATUT dilaksanakan pada 15 Januari 2015 hingga 20 Mac 2016, sebanyak 2,924 Notis di bawah Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 telah dikeluarkan terhadap peniaga yang disyaki mencatut. Hasil tindakan ini sebanyak 212 kertas siasatan telah dibuka iaitu 149 kertas siasatan di bawah Seksyen 14(1) kerana mencatut, 55 kertas siasatan di bawah Seksyen 21(5) kerana enggan atau gagal memberi maklum balas kepada Notis yang dikeluarkan dan lapan (8) kertas siasatan di bawah Seksyen 53A kerana tidak menyimpan rekod perniagaan.

Daripada jumlah ini, sebanyak 24 kes telah didakwa di Mahkamah Sesyen Khas Antipencatutan di mana sejumlah 16 kes telah disabit kesalahan serta dijatuhkan hukuman dengan denda keseluruhan berjumlah RM495,500. Masing-masing lapan (8) kes di bawah Seksyen 14(1) dan lapan (8) kes di bawah Seksyen 21. Selain itu, terdapat lapan (8) kes lagi masih dalam tindakan pendakwaan di mahkamah.

Sejumlah 15 kes telah dikompaun iaitu masing-masing 10 kes di bawah Seksyen 14(1), empat (4) kes di bawah Seksyen 21(5) dan satu (1) kes di bawah Seksyen 53A, AKHAP 2011. Sehingga kini, 13 kes telah selesai dikompaun dengan jumlah keseluruhan RM178,000 manakala baki satu (1) kes dengan tawaran kompaun berjumlah RM10,000 masih belum dijelaskan.